# سمينر عبادة قربان

# Seminar Ibadat Korban

TAJUK KERTAS KERJA

## PEMILIHAN DAN PENYEMBELIHAN; Pengalaman Mulaut Abattoir


*oleh*

Yang Mulia Pg. Imran bin Pg. Haji Sabli

*dan*

Yang Mulia Awang Yusran bin Haji Abdullah

Mulaut Abattoir,

Negara Brunei Darussalam



انجوران دان كندالين

جابتن مفتي كراجان

جابتن ڤردان منتري نݢارا بروني دارالسلام

17 ذوالقعدة 1426 / 19 دسيمبر 2005

State Mufti's Office,- Prime Minister's Office. Brunei Darussalam

# Seminar Ibadat Qurban

Kertas kerja 5

## Tajuk:-

## Pemilihan dan Penyembelihan: Pengalaman Pusat Penyembelihan Mulaut

**Pembentang:**

**Pg Imran Bin Pg Hj Sabli**

**Pengurus Perdagangan, Pentadbiran & Perkhidmatan Kakitangan MASB**

**&**

**Yusran Bin Hj Abdullah**

**Pengawal Kanan Pentadbiran & Perkhidmatan Kakitangan MASB**

# Seminar Ibadat Qurban

**Pemilihan dan Penyembelihan: Pengalaman Pusat Penyembelihan Mulaut:**

1. Persembahan cakera Padat (CD) mengenai Pusat Penyembelihan Mulaut
2. Prosedur Ibadat Qurban
3. Soal jawab

# Persembahan cakera Padat(CD) mengenai Pusat Penyembelihan Mulaut





# Prosedur Ibadat Qurban

# Prosedur Ibadat Qurban

Pemilihan:

Pemilihan lembu, kerbau dan kambing akan di buat oleh pihak pengurusan melalui Halaqah Sdn Bhd di Darwin, Australia

Selalunya di buat 1-2 bulan sebelum Qurban.

# Ciri-ciri Pemilihan Ternakan

- **BINATANG KORBAN:** Binatang korban yang diharuskan adalah unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri. Umor binatang korban Unta 5 tahun, Lembu 2 tahun, kerbau 2 tahun, Kambing 2 tahun, Biri-Biri 1 tahun atau telah bersalin dua gigi hadapannya sesudah ia berumur enam bulan. Bagi unta, lembu dan kerbau boleh dibahagi kepada tujuh bahagian untuk tujuh orang yang berkorban. Walau bagaimanapun adalah lebih afdal berkorban tujuh ekor kambing bagi tujuh orang yang berkorban daripada berkongsi tujuh orang pada seekor unta atau lembu atau kerbau. Boleh dan sah hukumnya sekiranya tujuh orang yang berkongsi pada seekor lembu atau kerbau itu berlainan niat mereka seperti setengahnya hendak berniaga dan kemudian dibahagikan dagingnya tujuh bahagian. Sama rata antara sekaliannya. Syarat bagi binatang korban pula hendaklah binatang itu tidak mempunyai aib (cacat) yang boleh mengurangkan sesuatu yang di makan daripadanya. Termasuk dalam aib yang tidak boleh di buat korban dan yang boleh dibuat korban disebutkan seperti berikut.

# Ciri-ciri Pemilihan Ternakan

**Aib yang tidak boleh dibuat korban**:

1. Tiada bertelinga atau yang terpotong telinganya walaupun sedikit.
2. Terpotong ekornya atau terpotong lidahnya.
3. Binatang yang kurus yang menjadi kurang dagingnya.
4. Berkudis jika sedikit sekalipun kerana binasa dagingnya.
5. Baru beranak kerana jahat dagingnya.
6. Sangat kurus.
7. Buta sebelah matanya dan butanya itu nyata.
8. Buta kedua belah matanya.
9. Sangat tempang.
10. Sedang bunting.

# Ciri-ciri Pemilihan Ternakan

**Aib yang boleh dibuat korban:**

1. Tidak bertanduk
2. Patah tanduknya.
3. Terbelah telinganya.
4. Bertebuk telinganya tetapi tiada hilang sesuatu daripadanya.
5. Tiada berekor.
6. Tiada bergigi.
7. Patah setengah daripada giginya.
8. Tiada berzakar.
9. Dikebiri akan dia. Adalah tidak sah korban binatang yang telinganya  terpotong (sekalipun untuk tujuan sebagai tanda) walaupun sedikit atau yang tidak bertelinga semulajadi kerana telah hilang sebahagian anggota yang boleh dimakan dan mengurangkan dagingnya.

   Walau bagaimanapun tidak mengapa jika telinganya koyak atau berlubang dengan syarat tidak gugur daripada dagingnya walaupun sedikit.

# Niat Qurban

- **NIAT KORBAN:** Wajib berniat bagi orang yang berkorban pada ketika menyembelihnya. Sekiranya ia berwakil pada seseorang untuk menyembelihnya, maka hendaklah ia berniat ketika diberi kepada wakilnya binatang yang akan dikorbankan itu, ataupun ia berniat pada ketika korban itu disembelih. Harus bagi orang yang berkorban itu sekiranya menyerahkan niat kepada orang Islam yang sudah mumayyiz, sama ada ia berwakil pada menyembelih atau lainnya. Contoh niat: **Dengan nama Allah Ya Allah Ya Tuhanku, ini ialah korbanku maka terimalah daripadaku**

# Ciri-ciri Pemilihan

**BINATANG-BINATANG AQIQAH:**

1. Unta berumur antara lima hingga enam tahun.
2. Kerbau, lembu dan kambing berumur dua hingga tiga tahun.
3. Biri-biri berumur setahun, atau telah bertukar dua gigi hadapannya sekalipun umurnya tidak sampai setahun. Binatang-binatang yang hendak dijadikan aqiqah hendaklah yang sihat dan tidak ada kecacatan atau penyakit padanya.

# Prosedur Ibadat Qurban

Setelah pemilihan…

- Ekspot ke Brunei Darussalam
- Pengistiharan dari kastam (Halaqah)
- Pemeriksa dari Jabatan Pertanian
- Penghantaran ke kandang Pusat Penyembelihan Mulaut
- Menimbang dan menyusun (pemisahan binatang yang tidak dapat di jadikan Qurban/Aqiqah)

# Prosedur Ibadat Qurban

- Pengedaran permohonan Ibadat Qurban (Qurban form) ke masjid, Kementerian dan Jabatan
- Borang boleh di dapati di kedai-kedai daging Mulaut
- Penyediaan kelengkapan-kelengkapan Pusat Penyembelihan Mulaut
- Perlantikan jawatankuasa dan mesyuarat

# Prosedur Ibadat Qurban

- Memastikan sistem pembetung (longkang & Saluran Najis) berjalan lancar
- Fumigasi- Pengasapan dari Kementerian Kesihatan
- Mesyuarat AJK untuk Ibadah Qurban KDYMM
- Permohonan meminjam generator Letrik- Jabatan Letrik
- Penggalian lubang tanah untuk sisa Ibadat Qurban

# Prosedur Ibadat Qurban

Penerangan mengenai borang Ibadat Qurban:

Terbahagi kepada 2 jenis borang:

1. Sapi/Kerbau
2. Kambing

MULAUT ABATTOIR SDN BHD , Bangunan Ar Redha, Jalan Kilanas Mulaut, P O Box 98 Sengkurong [illegible]

# BORANG PENYERTAAN IBADAH QURBAN 1426H - 2006M

**PUSAT PENYEMBELIHAN TERNAKAN MULAUT**

**Tel : 2660570, 2670678, 2670880 & 8725588**

Fax : 2660540 & 2670800

**"DAGING DAN DARAH BINATANG QURBAN ATAU HADIAH ITU TIDAK SEKALI-KALI SAMPAI KEPADA ALLAH, TETAPI YANG SAMPAI KEPADANYA IALAH AMAL YANG IKHLAS YANG BERDASARKAN TAQWA DARI KAMU"** Surah Al-Haj ayat 37

WAKTU MENERIMA TEMPAHAN

**TIAP TIAP HARI**

**Mulai AHAD 25 Disember 2005**

**Hingga AHAD 8 Januari 2006**

**Dari 9:00 pagi hingga 5:00 petang**

**TERNAKAN SAPI adalah ternakan-ternakan yang dipilih khas. Pemilihan terperinci dilakukan dari segi kesihatan dan keelokan anggota tubuh badan ternakan mengikut syarat-syarat sah ibadah sebelum ianya di-expot ke Brunei Darussalam. Pemilihan Kedua akan dilakukan di kandang ternakan Mulaut sebelum diSAHkan untuk dijual.**

## Harga Ternakan

**SAPI B$4.40/ kg HIDUP**

**KERBAU B$4.50/ kg HIDUP**

**KAMBING B$280 / Ekor**

Jumlah Kambing terhad / tertakluk kepada penerimaan bekalan daripada pembekal.

Sapi / Kerbau hanya akan disembelih, dilepah dan badan yang berseh hanya akan dibelah 4 sahaja. Kambing hanya akan disembelih dan dilepah kulitnya sahaja



2 Paha Belakang — 2 Paha Hadapan — Kambing

## SERVIS PENYEMBELIHAN ADALAH PERCUMA

Servis servis lain untuk sapi & kerbau:

Servis 1 B$50.00 :
Meceraikan daging dari tulang

Servis 2 B$150.00 :
Servis 1 & tulang dipotong potong

Servis 3 B$250.00 :
Servis 2 & daging dibungkus mengikut arahan.

## SYARAT-SYARAT & PERATURAN

* Semua ternakan-ternakan untuk Qurban dan seumpamanya hendaklah dibeli dari Pusat Penyembelihan Ternakan Mulaut dan ianya (kecuali kambing) TIDAK digalakkan untuk dibawa keluar bagi penyembelihan ditempat lain kerana ternakan-ternakan itu masih bersifat LIAR.

* Penempahan atau pemilihan ternakan dan mengetahui harga ternakan akan diadakan mulai hari **AHAD 25 Disember 2005**. Mula penerimaan pembayaran juga akan diadakan pada hari yang sama dan ianya hendaklah dibuat secara tunai dan secara krdit (IDBB sahaja)

* Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada Pejabat Syarikat ini sebaik-baiknya ketika membuat pembayaran bagi memudahkan proses pentadbiran giliran penyembelihan dilakukan.

* Upacara penyembelihan akan berjalan mulai Hari Raya Aidil Adha dan 3 hari-hari Tasyrik. Penentuan giliran penyembelihan tertakluk pada awal dan akhirnya pembayaran atau seperti apa yang ditetapkan oleh Pihak Pusat Penyembelihan Ternakan Mulaut. Penyembelihan pada 3 hari-hari Tasyrik boleh dimulakan jam 12 tengah malam sekiranya dikehendaki.

* Tarikh tutup penerimaan tempahan (ternakan sapi/kerbau) adalah pada hari AHAD 8 Januari 2006 bagi memberi masa Pihak Pusat Penyembelihan Mulaut untuk menyusun giliran ternakan-ternakan mengikut giliran penyembelihan.

* Wakil saksi bagi kumpulan yang beribadah hanya akan dihadkan pada 2 ORANG SAHAJA untuk mengelakan kesesakan dibahagian penyembelihan. Wakil saksi dikehendaki datang melapor diri 1 JAM sebelum masa jangkaan penyembelihan yang telah ditetapkan untuk pengetahuan pihak Pentadbiran Penyembelihan dan untuk mengelakkan gangguan jadual masa keseluruhan giliran penyembelihan.

* Reja (sisa) yang tidak dikehendaki akan dikubur mengikut kehendak syarat-syarat yang sah dan ini akan diuruskan oleh Pihak Pusat Penyembelihan Ternakan Mulaut.

* Pembahagian daging-daging adalah atas tanggungjawab / urusan kumpulan orang-orang yang beribadah.

* Pihak Pusat Penyembelihan Ternakan Mulaut tidak akan menyediakan kenderaan bagi penghantaran ketempat masing-masing.

* Pagar pintu masuk akan sentiasa ditutup / dikawal bagi pengawalan giliran kenderaan masuk untuk pengambilan daging-daging yang telah diproses, disebabkan terhadnya tempat letak kereta.

* Pas masuk bagi kenderaan pengambilan daging akan diberikan kepada Ketua Kumpulan yang beribadah semasa pembayaran.

* Adalah disarankan supaya kenderaan disediakan terlebih awal bagi mengelakan kesesakan / kelambatan / gangguan giliran keseluruhan proses penyembelihan dan pembahagian daging.

# Borang Ibadat
# Qurban-Sapi/Kerbau

**BORANG PENYERTAAN IBADAH QURBAN DIPUSAT PENYEMBELIHAN MULAUT 1426H – 2006M**

| Nama Kumpulan/ Nama WAKIL Kumpulan | | | | | | | Jumlah Borang Kumpulan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Persendirian | Pejabat kerajaan | Kementerian | Masjid & Surau | Kampong | Persatuan | Kedutaan | Lain-lain |
| Dari Daerah | Brunei Muara | | Tutong | | Belait | | Temburong |
| Nombor Talipon | Mobile | | Rumah | | Pejabat | | lain |

"Menurut Mazhab Syafi'e, menyembelih binatang Qurban adalah Sunat yang dituntut (Muakkadah). Ibadat Qurban ini sah dilakukan untuk diri sendiri. Dengan demikian adalah **TIDAK SAH menyembelih Qurban untuk orang lain yang masih HIDUP kecuali dengan IZINNYA.** Begitu juga **TIDAK SAH menyembelih Qurban untuk orang yang telah MENINGGAL DUNIA kecuali ADA WASIATNYA.** Walau bagaimanapun pahala menyembelih Qurban itu boleh diniatkan untuk dikongsikan oleh orang lain seperti keluarganya". (Petikan IRSYAD HUKUM Bil 95 dari Jabatan Mufti Kerajaan).

"Muliakan Udhiyyah-Udhiyyah kamu, kerana Udhiyyah itu menjadi tunggangan kamu diatas titian sirat al mustaqim kelak"
(Dipetik dari kitab Talkish Al-Kabir oleh Ibnu Hajar Al-Asqalani)

"Allahuma ya Allah, ini udhiyyah yang sunat, suatu anugerah daripada Tuhan hamba kepada hamba, dan hamba berdamping kepada Tuhan hamba dengannya, maka mohon terimalah damping hamba ini".

**RUJUKAN NAMA-NAMA ORANG YANG AKAN BERIBADAH DAN SETERUSNYA SURAT PENYERAHAN NIAT PADA PIHAK PENGURUSAN QURBAN DI-MULAUT** ( * sila potong mana-mana yang tidak berkenaan )

**BISMILLAHIRRAHMAANIRRAHIIM**

SAYA.......................................................................................................................

**SEBAGAI WAKIL DARIPADA**

1.

**Yang akan * ( berQURBAN SUNAT / berQURBAN WAJIB / berAQIQAH )** atau

2.

**Yang akan * ( berQURBAN SUNAT / berQURBAN WAJIB / berAQIQAH )** atau

3.

**Yang akan * ( berQURBAN SUNAT / berQURBAN WAJIB / berAQIQAH )** atau

4.

**Yang akan * ( berQURBAN SUNAT / berQURBAN WAJIB / berAQIQAH )** atau

5.

**Yang akan * ( berQURBAN SUNAT / berQURBAN WAJIB / berAQIQAH )** atau

6.

**Yang akan * ( berQURBAN SUNAT / berQURBAN WAJIB / berAQIQAH )** atau

7.

**Yang akan * ( berQURBAN SUNAT / berQURBAN WAJIB / berAQIQAH )** atau

**...PADA ZULHIJJAH TAHUN INI. DENGAN INI SAYA MENYERAHKAN NIAT-NIAT TERSEBUT PADA**

.......................................................................................................................

**UNTUK MELAKSANAKANNYA DAN UNTUK MENENTUKAN ORANG YANG MENYEMBELIH TERNAKAN YANG TELAH DITENTUKAN, DIPUSAT PENYEMBELIHAN MULAUT.** Tandatangan/Haribulan

| BERSAKSI? * (YA) (TIDAK) | NAMA WAKIL SAKSI YANG AKAN MELAFAZKAN NIAT KEPADA PENYEMBELIH & No. Talipon |
|---|---|

Arahan Khas jika ada

**AKAD SEDEKAH KULIT TERNAKAN** : **Saya sebagai Wakil kumpulan yang beribadah menyedekahkan kulit ternakan yang telah disembelih kepada FAKIR MISKIN melalui urusan Pihak Penyembelihan Ternakan Mulaut**

Tandatangan/Haribulan

**MAKLUMAN** : Segala perubahan hendaklah diberitahu secepat mungkin ke Pihak Pentadbiran Qurban Pusat Penyembelihan Ternakan Mulaut untuk melicinkan proses penyusunan giliran. Terima Kasih

**UNTUK DI-ISI OLEH PIHAK PUSAT PENYEMBELIHAN TERNAKAN MULAUT**

| # Rujukan Ternakan | Jadual Hari Penyembelihan ( 1 ) ( 2 ) ( 3 ) ( 4 ) | | | Jadual Masa Penyembelihan | | Dibuat oleh / Tarikh |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Harga Ternakan B$ | **Servis 1** B$50.00 | **Servis 2** B$150 | **Servis 3** B$250.00 | Jumlah keseluruhan B$ | # Resit MA# | Diterima /dibuat oleh |

Lain- Lain Hal

# Borang Ibadat Qurban-Kambing

## BORANG PENYERTAAN IBADAH QURBAN DIPUSAT PENYEMBELIHAN MULAUT 1426H – 2006M

| Nama Kumpulan/ Nama WAKIL Kumpulan | Jumlah Borang |
|---|---|
| | |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Persendirian | Pejabat kerajaan | Kementerian | Masjid & Surau | Kampong | Persatuan | Kedutaan | Lain-lain |
| Daerah Brunei-Muara | | Daerah Tutong | | Daerah Belait | | Daerah Temburong | |
| # Talipon Bimbit | | #Talipon Rumah | | # Talipon Pejabat | | # Talipon | |

"Menurut Mazhab Syafi'e, menyembelih binatang Qurban adalah Sunat yang dituntut (Muakkadah). Ibadat Qurban ini sah dilakukan untuk diri sendiri. Dengan demikian adalah **TIDAK SAH menyembelih Qurban untuk orang lain yang masih HIDUP kecuali dengan IZINNYA.** Begitu juga **TIDAK SAH menyembelih Qurban untuk orang yang telah MENINGGAL DUNIA kecuali ADA WASIATNYA.** Walau bagaimanapun pahala menyembelih Qurban itu boleh diniatkan untuk dikongsikan oleh orang lain seperti keluarganya". (Petikan IRSYAD HUKUM Bil 95 dari Jabatan Mufti Kerajaan).

"Muliakan Udhiyyah-Udhiyyah kamu, kerana Udhiyyah itu menjadi tunggangan kamu diatas titian sirat al mustaqim kelak" (Dipetik dari kitab Talkish Al-Kabir oleh Ibnu Hajar Al-Asqalani)

"Allahuma ya Allah, ini udhiyyah yang sunat, suatu anugerah daripada Tuhan hamba kepada hamba, dan hamba berdamping kepada Tuhan hamba dengannya, maka mohon terimalah damping hamba ini".

**RUJUKAN NAMA-NAMA ORANG YANG AKAN BERIBADAH DAN SETERUSNYA SURAT PENYERAHAN NIAT PADA PIHAK PENGURUSAN QURBAN DI-MULAUT** . ( * sila potong mana-mana yang tidak berkenaan )

**BISMILLAHIRRAHMAANIRRAHIIM**

**SAYA**.......................................................................................................

**( SEBAGAI WAKIL DARIPADA )**

1.

**Yang akan * ( berQURBAN SUNAT / berQURBAN WAJIB / berAQIQAH )** atau

**...PADA ZULHIJJAH TAHUN INI. DENGAN INI SAYA MENYERAHKAN NIAT-NIAT TERSEBUT PADA**

..........................................................................................................................

**UNTUK MELAKSANAKANNYA DAN UNTUK MENENTUKAN ORANG YANG MENYEMBELIH TERNAKAN YANG TELAH DITENTUKAN, DIPUSAT PENYEMBELIHAN MULAUT.** Tandatangan/Haribulan

**Jumlah Ternakan ( 1 ) ATAU ( 2 )**

| **BERSAKSI?** <br> *** (YA) (TIDAK)** | NAMA WAKIL SAKSI YANG AKAN MELAFAZKAN NIAT KEPADA PENYEMBELIH & No. Talipon |
|---|---|

Arahan Khas jika ada

**ARAHAN BAGI KULIT TERNAKAN / KEPALA / HUJONG KAKI;**
*** (DIBAWA BALIK) (DITINGGALKAN UNTUK DIKUBURKAN)** atau

**MAKLUMAN** : Segala perubahan hendaklah diberitahu secepat mungkin ke Pihak Pentadbiran Qurban Pusat Penyembelihan Ternakan Mulaut untuk melicinkan proses penyusunan giliran. Terima Kasih

**UNTUK DI-ISI OLEH PIHAK PUSAT PENYEMBELIHAN TERNAKAN MULAUT**

| # Rujukan Borang Ternakan | Jadual Hari Penyembelihan ( 1 ) ( 2 ) ( 3 ) ( 4 ) | Jadual Masa Penyembelihan | Dibuat oleh / Tarikh |
|---|---|---|---|

| Harga Ternakan B$ | **Servis 1** B$10.00 | **Servis 2** B$25 | **Servis 3** B$50.00 | Jumlah keseluruhan B$ | # Resit MA# | Diterima /dibuat oleh |
|---|---|---|---|---|---|---|

Lain- Lain Hal

# Urusan Wakalah pada Penyembelih

- Wakalah dari orang yang akan beribadah (Semasa penghantaran borang/pembayaran) kepada juru jual
- Wakalah dari juru jual kepada penyembelih (semasa penyembelihan Qurban diadakan)

# Penyembelihan:

# Penyembelihan

**SUNAT KETIKA MENYEMBELIH:**

Pada waktu menyembelih, disunatkan lima perkara:

1. Membaca Bismillah Hirrahman Nirrahim.
2. Selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam.
3. Binatang yang akan disembelih dihadapkan ke kiblat.
4. Bertakbir Allahu Akhbar tiga kali sebelum membaca Bismillah Hirrahman Nirrahim dan sesudahnya.
5. Berdoa memohon diterima oleh Allah subhanahu wataala akan ibadatnya itu.

Perlu juga disebut di sini bahawa orang yang hendak berkorban itu Disunatkan supaya jangan menanggalkan atau membuang kuku, rambut, janggut dan bulu-bulu yang lain, mulai dari awal Zulhijjah sehinggalah ia menyembelih korban (kecuali bagi orang-orang yang ingin melakukan ihram haji dikecualikan berbuat seperti di atas). Ini kerana mengharapkan dari Allah semoga ia memerdekakan semua bahgian anggotanya yang masih ada semasa ia melakukan korban itu.

# Jumlah ternakan Ibadah yang di sembelih

| Tahun Hijrah | Tahun Masehi | Lembu | Kerbau | Kambing | Jumlah ternakan Sapi, Kerbau & Kambing |
|---|---|---|---|---|---|
| 1413 | 1993 | - | - | - | 114 |
| 1414 | 1994 | - | - | - | 167 |
| 1415 | 1995 | - | - | - | 262 |
| 1416 | 1996 | - | - | - | 220 |
| 1417 | 1997 | - | - | - | 380 |
| 1418 | 1998 | - | - | - | 610 |
| 1419 | 1999 | - | - | - | 509 |
| 1420 | 2000 | 280 | 46 | 312 | 638 |
| 1421 | 2001 | 310 | 90 | 268 | 668 |
| 1422 | 2002 | 287 | 131 | 383 | 802 |
| 1423 | 2003 | 171 | 187 | 341 | 699 |
| 1424 | 2004 | 153 | 183 | 235 | 571 |
| 1425 | 2005 | 191 | 142 | 183 | 516 |

# Jumlah Ternakan Ibadah yang di sembelih



# Jumlah Peserta Ibadah Qurban/Aqiqah

| Tahun Hijrah | Tahun Masehi | Jumlah Ternakan Sapi, Kerbau & Kambing | Kategori2 Kumpulan Yang Turut Serta | | | | Daerah2 Peserta Kumpulan | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Persenderian | Kementerian & Jabatan Kerajaan | Masjid & Surau | Persatuan & Institusi Awam | Brunei Muara | Tutong | Kuala Belait | Temburong |
| 1413 | 1993 | 114 | 87 | 20 | 1 | 6 | #### | #### | #### | 0 |
| 1414 | 1994 | 167 | 82 | 48 | 21 | 16 | #### | #### | #### | 0 |
| 1415 | 1995 | 262 | 119 | 99 | 35 | 9 | 220 | 7 | 35 | 0 |
| 1416 | 1996 | 220 | 137 | 52 | 28 | 3 | 176 | 3 | 41 | 0 |
| 1417 | 1997 | 380 | 256 | 64 | 48 | 12 | 315 | 20 | 45 | 0 |
| 1418 | 1998 | 610 | 431 | 83 | 81 | 15 | #### | #### | #### | 0 |
| 1419 | 1999 | 509 | 301 | 90 | 105 | 13 | 429 | 37 | 43 | 0 |
| 1420 | 2000 | 638 | 430 | 109 | 74 | 25 | 589 | 17 | 32 | 0 |
| 1421 | 2001 | 668 | 446 | 117 | 95 | 10 | 590 | 15 | 63 | 0 |
| 1422 | 2002 | 802 | 486 | 140 | 94 | 82 | 667 | 52 | 83 | 0 |
| 1423 | 2003 | 699 | 449 | 102 | 63 | 85 | 618 | 25 | 56 | 0 |
| 1424 | 2004 | 571 | 379 | 62 | 76 | 54 | 498 | 18 | 55 | 0 |